

15 MAY 1998

PERDANA MENTERI BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWAT MESIR DAN SUDAN/I

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang lewat hari ini selepas melakukan lawatan selama lapan hari ke Mesir dan Sudan.

Semasa lawatan itu, beliau menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Kaherah, .

Lawatan Dr Mahathir ke Sudan ialah yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia sementara lawatannya ke Mesir ialah bagi kali kedua.

Beberapa perjanjian dan Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh pegawai dan ahli perniagaan kedua-dua negara psemasa lawatan itu bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan serta mempermudah perjalanan antara rakyat ketiga-tiga negara berkenaan.

Terdahulu, Dr Mahathir memeriksa perbarisan kehormatan pada satu upacara di Lapangan Terbang Antarabangsa Khartoum.

Presiden Omar Hassan Ahmed El Bashir dan para menteri berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Sejurus sebelum pulang, Dr Mahathir dan Presiden Bashir mengadakan persidangan berita secara bersama.

-- BERNAMA

AU FAZ